

PERBANDINGAN SISTEM MEDIA MALAYSIA DAN CHINA BERDASARKAN TEORI SISTEM MEDIA MCQUAIL

MALAYSIA AND CHINA MEDIA SYSTEM COMPARISON BASED ON MCQUAIL THEORY

Noor Aziah Abdullah¹

Senior Lecturer of Media and Law,

Universiti Utara Malaysia, School of Multimedia Technology and Communication,
College of Arts and Sciences, 06010 Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.

Phone number: +604 9286478. Email: nooraziah@uum.edu.my

Rohana Mijan²

Senior Lecturer of Integrated Marketing Communication,

Universiti Utara Malaysia, School of Multimedia Technology and Communication,
College of Arts and Sciences, 06010 Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.
Phone number: +604 9286478. Email: rohana.mijan@uum.edu.my

Received date: 12-10-2019

Revised date: 27-11-2019

Accepted date: 16-12-2019

Published date: 29-12-2019

To cite this document: Abdullah, N. A. & Mijan, R. (2019). Perbandingan Sistem Media Malaysia dan China Berdasarkan Teori Sistem Media McQuail. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 80-93.

DOI: 10.35631/ijlgc.417008

Abstrak: Konsep sistem media pada kurun ke 20 tidak dapat diaplikasikan dalam konsep sistem media pada kurun ke 21. Perbezaan ini adalah berdasarkan kepada kerangka sistem media itu sendiri yang mana pada kurun ke 20 dilihat konsep media nasional mendominasi dan kerajaan dilihat sangat ketara sebagai ‘benchmark’ kepada kerangka sistem media. Oleh kerana sistem media didominasi dengan Teori Empat Akhbar (Siebert et al. 1956), maka muncullah teori baru yang telah di perkembangkan sejajar dengan perkembangan teknologi media iaitu Teori Normatif Media McQuail (2010). Teori Normatif Media McQuail (2010) memperkenalkan empat model sistem media iaitu model sistem media bebas (a liberal pluralist or market model, model) sistem media tanggungjawab sosial (a social responsibility or public interest model), model sistem media profesion kewartawan (a professional model) dan model sistem media alternatif (an alternative media model). Justeru itu, kertas kajian ini bertujuan mengupas perbandingan model sistem media Malaysia dan negara China kini, berdasarkan pembolehubah kebebasan, intervensi kerajaan dan kawalan dari tinjauan terhadap kajian lepas.

Kata Kunci: Sistem Media, Teori Normatif Media, Sistem Media Malaysia, Sistem Media China

Abstract: The concept of media systems in the twentieth century cannot be applied to the idea of media systems in the 21st century. As the media system is dominated by the Four Press Theory (Siebert et al. 1956), a new theory has been developed in line with the development of media technology, McQuail's Media Normative Theory (2010). McQuail's Media Normative Theory (2010) introduces four media system models, a liberal pluralist or market model, social responsibility or public interest model, a professional media model / a professional model and an alternative media system model. Alternative media model'. As such, this paper aims to draw comparisons between the current model of the Malaysian media system and China, based on the variables of independence, government intervention and control over recent research.

Keywords: Media System, Media Normative Theory, Malaysia's Media System, China's Media System

Pendahuluan

Sistem merupakan himpunan bahagian-bahagian yang saling melengkapi dan membentuk keseluruhan (McKenzie, 2006). Dalam perjalanan menuju kematangan sistem tersebut terdapat bahagian yang berkembang dan luput. Terdapat beberapa karektor yang dapat menerangkan bagaimana sesuatu bahagian itu berhubungan dengan bahagian yang lain bagi membentuk seluruh sistem. Sistem merupakan satu entiti yang mana setiap bahagian secara semula jadi mempengaruhi bahagian yang lain. Selain itu, sistem memerlukan bantuan atau sokongan sumber lain bagi membolehkan ianya berfungsi. Oleh yang demikian, sistem akan berubah atas desakan faktor luaran namun masih berdiri kukuh berdasarkan kestabilan struktur dalaman. Maka ketiga-tiga karektor inilah yang membentuk sistem media sebagai sistem yang dinamik, yang berdiri melalui gabungan bahagian yang saling berhubungan (McKenzie 2006).

Sistem media mempamerkan beberapa karektor yang dikenal pasti. Dalam sistem media terkandung pelbagai pemboleh ubah yang secara semula jadi dipengaruhi oleh faktor luaran seperti inovasi teknologi, hubungan dalaman, dan globalisasi. Kedua, media memerlukan beberapa sumber bagi menghasilkan informasi dan menyampaikan kandungan. Sumber ini termasuklah alatan, manusia dan informasi. Seterusnya, media akan sentiasa melalui perubahan dalam pelbagai dimensi termasuklah pembangunan dalaman, penstrukturkan industri, undang-undang dan peraturan, aktiviti serta pasaran. Namun asas struktur dalaman masih dipertahankan (McKenzie 2006).

Sistem media mencorakkan bagaimana amalan operasi media di sesebuah negara dan hubungannya dengan cara kerja wartawan. Pada masa kini, aliran maklumat dan struktur organisasi sumber maklumat yang baru memberi kesan yang besar terhadap perbezaan sistem dan juga corak pelaporan berita oleh wartawan (Hujanen, Lehtiemi, & Virranta 2008 dalam Mellado & Lagos (2013)

Objektif Kajian

Dalam merealisasikan kajian ini, beberapa objektif kajian telah dibentuk. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Pengesahan pembolehubah dalam sistem media Malaysia dan China.
- ii. Melakukan perbandingan sistem media Malaysia dan China.

Methodologi Kajian

Tulisan Merriam (2001) mengenai kajian kualitatif ini membolehkan pengkaji menemui pemboleh ubah bermakna, menghasilkan pelbagai rumusan kajian melalui analisis dan perbincangan yang dijalankan kerana kaedah kualitatif ini tidak memerlukan pengujian hipotesis dan generalisasi. Kelebihan pengkaji sebagai instrumen utama kajian dapat menilai dan membuat pertimbangan peribadi sepanjang proses pengumpulan data dijalankan dengan membuat rumusan bermakna di akhir kajian. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya iaitu melalui analisis terhadap kajian-kajian lepas bagi meneroka ciri pembolehubah dan seterusnya memadankan pembolehubah yang terdapat dalam sistem media kedua negara yang dikaji iaitu Sistem Media Malaysia dan Sistem Media China.

Teori Sistem Media

Dari aspek teori, dalam menilai dan meneroka sistem media Teori Empat Akhbar (Siebert et al. 1956) merupakan teori tertua yang telah diaplikasikan. Melalui teori ini Siebert et al. 1956 telah menganalisis hubungan di antara sistem media dengan sosial dan politik sesebuah negara yang mana kajian ini melihat bagaimana media mengambil bentuk serta corak politik dan struktur sosial dalam menjalankan operasinya. Kajian ini berjaya menghasilkan beberapa model yang menerangkan perbezaan di antara sistem media iaitu Teori Autokratik, Komunis, Kebebasan dan Tanggungjawab Sosial (Mellado & Lagos 2013). Teori ini telah diperkembangkan oleh McQuail (2010) berdasarkan kepada perkembangan teknologi media itu sendiri. Disamping itu, Teori Empat Akhbar dikatakan telah lapuk dan lama, maka perlunya satu teori yang baharu bagi mengisi kelompong dalam Teori Empat Akhbar ini (Amira Sariyanti, 2012). Kelompongan ini berjaya diisi oleh Teori Normatif Media (McQuail 2010) yang memperkenalkan empat model sistem media iaitu model sistem media bebas (a liberal pluralist or market model), model sistem media tanggungjawab sosial (a social responsibility or public interest model), model sistem media profesion kewartawanan (a professional model) dan model sistem media media alternatif (*an alternative media model*). Kajian oleh McQuail (2010) turut menggunakan pendekatan kualitatif iaitu pemerhatian dan pembolehubah perbandingan dalam mendapatkan hasil kajian.

Selain daripada perkembangan teknologi media, sumber utama kepada perkembangan teori ini adalah berdasarkan kepada peranan media itu sendiri yang harus dikembangkan sejajar dengan perkembangan dunia terkini. Kemunculan teori media normatif: empat model ini adalah meliputi faktor dalaman dan desakan dari luaran yang menuntut bagaimana media sepatutnya beroperasi (McQuail 2010).

Jelas, selain daripada peranan media dalam sesebuah negara menyumbang kepada pembentukan sistem media, kajian oleh McQuail (2010), turut menemui bahawa faktor sejarah media dikatakan turut menyumbang kepada kemunculan Teori Normatif Media. Ini termasuklah dari aspek sistem pemerintahan sesebuah kerajaan. Perkara ini jelas kelihatan dalam sistem demokrasi dimana, media dilihat berganding erat bersama institusi politik dengan menyebarkan berita, pelan tindakan ahli politik, pendapat mereka malah, media turut melaporkan kisah peribadi ahli politik ini. Namun begitu, ikatan ini tidak terpasteri dalam perlembagaan (kecuali Negara Jerman) serta tidak boleh dikuatkuasakan sebagai satu pilihan yang wajib (McQuail 2010).

Terdapat dua (2) sumber utama yang mempengaruhi kuasa media iaitu kerajaan dan agensi yang terlibat dengan media. Sistem media dikatakan boleh menggambarkan bagaimana sesuatu kerajaan itu ditadbir yang mempunyai kuasa untuk memberi ganjaran atau menghukum

organisasi media. McQuail (2010) turut menggambarkan bahawa selain dari kerajaan terdapat sumber luaran yang berupaya mempengaruhi media iaitu ekonomi, budaya dan persekitaran sosial. Kesan pengaruh ini melibatkan penerbitan berita dan informasi (McQuail 2010). Media berupaya untuk menjatuhkan kredibiliti seseorang individu yang berkuasa mahupun organisasi. Oleh yang demikian, terdapat beberapa keadaan yang mana mereka terpaksa menutup mata atas apa sahaja tindakan media demi menjaga kepentingan mereka (Christian et al. 2009).

Dalam mengenal pasti model sistem media yang diaplikasikan oleh sesebuah negara, penerapan ciri-ciri atau pembolehubah/dimensi kerap digunakan. Ini termasuk kajian oleh Downey et al. 2012, menggunakan pembolehubah perbandingan sebagai pengukuran kepada pembentukan sistem media. Downey et al. 2012 telah menggunakan kaedah konsep umum dan empirikal dalam kajian kes yang dijalankan ke atas enam buah negara dengan menumpukan kepada pembolehubah seperti bentuk pelaporan berita oleh wartawan di keenam buah negara tersebut bagi melihat perbandingan sistem media negara tersebut. Dengan membangunkan konsep dan alat yang dapat digunakan dalam membuat analisis perbandingan media yang berbeza masa dan tempat. Jelas dilihat, kajian ini melihat kepada kandungan media itu sendiri. Manakala Mickenzie (2006) turut meninjau kaedah pelaporan berita sebagai perbandingan sistem media.

Berbeza pula dengan kajian yang dijalankan Engesser dan Franzetti (2011) yang telah mengaplikasikan empat dimensi/pembolehubah sebagai asas hubungan antara sistem politik dan sistem media. Dimensi/pembolehubah yang dimaksudkan adalah kebebasan, kepelbagaiannya, pemusatan dan tradisi sebagai asas perbandingan peringkat makro. Kajian ini memberi fokus kepada hubungan di antara sistem politik dan sistem media di tujuh buah negara iaitu China, Germany, Japan, Mexico Netherlands, Russia dan Amerika Syarikat. Kerangka kajian berpandukan kepada teori sistem. Penonjolan elemen-elemen persamaan dan perbezaan terhadap negara-negara yang dijadikan sampel merupakan induk kepada kajian. Oleh itu kajian ini dapat membantu penyelidikan antarabangsa mengenai sistem media dalam pemilihan sampel kajian dan alat perbandingan selain dari dapat memberikan penjelasan mengenai operasi sistem media negara sampel. Kajian ini didapati menggunakan kedua-dua metode penyelidikan iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam melaksanakan kajian (Engesser & Franzetti, 2011). Selaras dengan itu, bagi mendapatkan kejituhan dapatan, kajian ini telah mengambil kira pembolehubah/dimensi/element kebebasan sebagai salah satu pembolehubah bagi kajian ini dalam mengenal pasti sistem media Negara Malaysia dan China.

Manakala Hallin dan Mancini (2004) turut melihat kepada hubungan antara sistem media dan sistem politik dalam meneroka perbandingan sistem media. Oleh kerana kajian ini mengaplikasikan '*most similar design*' dalam memilih sistem media sesebuah negara, maka kaedah penyelidikan adalah berdasarkan kepada analisis terhadap kajian-kajian yang lepas tentang sistem media. Malah kaedah pembinaan teori digunakan daripada menjalankan kajian hipotesis. Kajian ini telah mencadangkan empat dimensi yang besar untuk difokuskan sebagai alat perbandingan. Kajian Hallin dan Mancini ini memfokuskan kepada negara Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Dimensi pertama adalah tahap intervensi kerajaan dalam sistem media; kedua, tahap kecenderungan hubungan politik dalam masyarakat; ketiga, pembangunan pasaran media terutama melibatkan pengedaran dan kemasukan pasaran dan keempat, tahap professional kewartawanan. Kajian ini menemui bahawa model media kebebasan ditemui dalam sistem media Amerika dan Kanada. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada beberapa ciri-ciri yang ditemui iaitu saiz pasaran media yang sederhana, tahap penglibatan politik yang rendah, tahap yang tinggi dalam profession kewartawanan, dan dominasi dalam pasaran. Oleh yang demikian, kajian ini telah memilih dimensi/pembolehubah yang pertama iaitu tahap

intervensi kerajaan dalam sistem media sebagai pembolehubah kedua untuk digunakan dalam kajian dalam menjalankan analisis berhubung sistem media Malaysia dan China.

Manakala kajian Blumber dan Gurevitch (1995) yang dimuatkan dalam kajian Rantanen (2013) pula, turut mengambil kira pembolehubah kawalan yang mana sarjana ini telah mengenal pasti empat dimensi utama dalam analisis perbandingan sistem media pertama; tahap kawalan kerajaan terhadap media massa; kedua tahap penyertaan media massa; ketiga tahap integrasi antara elit politik dan media, dan keempat; kesahan semula jadi institusi media. Selain dari yang keempat, kesemua dimensi di atas mengandaikan bahawa sistem politik mempunyai hubungan dengan sistem media. Walau bagaimana pun, khalayak dan budaya tidak termasuk dalam dimensi ini. Adapun kawalan kerajaan terhadap media terdiri daripada tiga aspek utama iaitu pertama, pelantikan badan kerajaan bagi tugas penyeliaan dan memantau operasi sistem media; kedua, pembiayaan kewangan dalam organisasi media; dan ketiga, kuasa politik mengawal kandungan media.

Pembolehubah kawalan turut menarik perhatian Curran dan Seaton (1991) yang mana menurut laporan dalam The Times, 26 Disember 1834 pada pertengahan kurun ke 18 dan permulaan kurun ke 19, akhbar komersial mula menunjukkan tanda tidak bergantung kepada kerajaan terutama kepada pihak politik disebabkan perkembangan pembelian pengiklanan di dalam akhbar. Oleh kerana pendapatan dari pengiklanan dalam akhbar adalah tinggi, maka secara tidak langsung organisasi media tidak perlu bergantung semata-mata kepada sumber kewangan atau subsidi dari kerajaan atau parti politik dan menolak geran subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan Inggeris. Laporan ini juga menyebut bahawa akhbar Inggeris yang terakhir menerima geran dari kerajaan adalah akhbar '*Observer*' pada tahun 1840. Justeru, kajian ini turut mengambil kira pembolehubah kawalan sebagai pembolehubah perbandingan dalam mengenalpasti sistem media Malaysia dan China.

Sistem Media China

Apabila menyentuh tentang sistem media negara China, perbincangan berhubung elemen komunisme turut memainkan peranan. Sungguh pun negara China telah mengamalkan konsep pintu terbuka terutama dari sudut ekonomi namun elemen komunisme masih lagi terserah. Adalah lebih wajar sekiranya perbincangan mengenai sistem media negara China dimulai dengan pengenalan kepada demografi dan geografi negara tersebut. China merupakan negara yang ketiga terbesar di dunia selepas USSR dan Kanada dan mempunyai populasi hampir satu pertiga populasi dunia. Negara yang terkenal dengan negara pertanian, didefinisikan sebagai negara yang miskin pada masa dahulu. Namun kini China telah berupaya menjadi salah satu negara yang berkuasa berikutnya memiliki kelebihan iaitu sumber asli yang banyak, modal insan yang berkemahiran dan pegangan ideologi yang kuat seterusnya membantu kemakmuran negara tersebut (Howkins 1982). Kini China merupakan negara yang mempunyai kekuatan ekonomi kedua terbesar dunia (AlJazeera, 2019).

Lantaran itu, jelas terlihat sikap masyarakat negara China terhadap komunikasi dan media berkait rapat dengan ideologi dan ketaatan kepada pemerintah. Ini disebabkan masyarakat Negara China menganggap pemerintah sebagai orang yang mengambil berat akan kepentingan mereka, maka segala arahan dan pegangan pemimpin diterima dengan mudah. Justeru itu, medium komunikasi melalui arahan dan hasil perbincangan lebih diterima pakai oleh rakyat negara ini. Kini, media massa di negara China mengalami perubahan pada akhir tahun 1970 an ekoran dari pembaharuan ekonomi yang mengakibatkan perubahan turut berlaku kepada dunia politik dan masyarakat (Howkins 1982).

Oleh itu, sebagai salah satu negara yang masih mengekalkan rejim Komunis, kajian media terhadap negara tersebut adalah unik kerana perubahan berlaku dalam kebangkitan ekonomi kapitalis dan dalam masa yang sama berupaya meneruskan sistem politik komunis (Winfield & Peng, 2005).

Ini membawa kepada perubahan struktur media massa China yang sangat ketara semasa pembaharuan ekonomi tersebut berlaku. Sebelum pembaharuan berlaku, media di China di kuasai sepenuhnya oleh Kerajaan sama ada dari sudut kawalan mahupun pembiayaan kewangan. Kini, pembiayaan diperoleh melalui pendapatan pengiklanan dan terdapat juga yang masih menerima subsidi kerajaan sama ada secara langsung atau tidak dari pihak kerajaan (Stockmann & Gallagher, 2011).

Semasa era pembaharuan berlaku, media di negara ini telah di struktur semula dari sudut peraturan dan perundangan, dikomersialkan dan sebahagian telah diswastakan. Sebahagian pembaharuan media yang dibuat oleh kerajaan adalah dengan mengurangkan hierarki ke atas penyiaran dan pentadbiran media cetak dengan kuasa yang lebih besar ke atas program, kakitangan dan keputusan perniagaan (Lynch, 1999; Zhao, 1998, dalam Stockmann & Gallagher, 2011). Keadaan ini telah menyebabkan institusi media dipromosikan sebagai satu organisasi yang boleh mendatangkan keuntungan selain dari fungsi utama menyampaikan maklumat (Zhao 2009).

Situasi ini telah mewujudkan satu lagi peluang pelaburan perniagaan ke atas institusi media. Keadaan ini bertambah baik apabila pada penghujung tahun 1990an, bidang penyiaran yang diikuti oleh media cetak telah disenaraikan dalam pasaran saham dan bermula pada tahun 2002, institusi media yang bukan dipunyai oleh kerajaan dibenarkan untuk melabur dalam media kerajaan (Stockmann & Gallagher, 2011).

Sebagai tambahan, China menuju ke arah pemasaran media di mana persekitaran media lebih berkembang dan menuju ke arah antarabangsa sama ada dari sudut sumber media kepada khalayak mahupun kandungan berita. Tindakan ini diikuti dengan pelonggaran polisi berkaitan pemberian lesen kepada mana-mana pihak yang ingin mendirikan organisasi media dan ini menjadikan jumlah kemunculan perniagaan media berkembang. Sejajar dengan inisiatif kerajaan China membuka pintu kepada dunia luar, maka Internet dan sumber informasi media dari luar di bawa masuk (Stockmann & Gallagher, 2011).

Contoh yang ketara adalah BBC dan majalah Newsweek menjadi popular di China. Ekoran dari fenomena ini membawa kepada persaingan yang kuat kepada alat penyiaran yang lain seperti televisyen dan akhbar. Persaingan ini membawa kepada keghairahan pihak penerbit dan pemberita untuk mendapatkan sumber informasi yang terkini dari media baru dan ini memberikan peluang kepada pihak akhbar untuk menambahkan pendapatan pengiklanan. Situasi ini menjadikan pengamal media lebih ruang untuk melaporkan berita berbanding pada masa dahulu (Stockmann & Gallagher 2011).

Hasil kajian Stockman dan Gallagher ini juga mendapati bahawa dengan perubahan rejim dan liberalisasi politik, perubahan sistem media juga berlaku di China. Kajian ini turut mendapati bahawa kandungan berita media masih berkait rapat dengan Parti walaupun pemasaran telah mengubah bagaimana berita itu disampaikan. Walaupun khalayak mengambil maklum ketatnya kawalan dari pihak kerajaan ke atas media massa namun ini tidak menghalang kebanjiran

khalayak bandar untuk menggunakan media untuk mempelajari mengenai masalah sosial dan hak perundangan (Stockmann & Gallagher 2011).

Ekoran daripada perubahan ekonomi yang melanda China selama 2 dekad, telah turut membawa perubahan yang ketara dari sudut pasaran keusahawanan dari perniagaan monopoli kepada pemilikan kerajaan. Perubahan dalam sistem media China juga turut melanda yang mana dahulu dipunyai sepenuhnya oleh kerajaan dan dikawal oleh Parti Komunis kini persaingan wujud antara kapitalisme dan komunisme. Perubahan kehidupan wartawan juga berlaku di mana wartawan bebas untuk menukar pekerjaan dan mempunyai lebih autonomi ke atas kehidupan mereka (Winfield & Peng 2005).

Namun begitu, media masih tertakluk kepada polisi yang ditetapkan di mana mereka harus berdaftar dengan kerajaan yang diselia oleh Bahagian Propaganda. Bahagian ini juga berkuasa untuk memberikan panduan penerbitan serta mengambil tindakan ke atas kakitangan selain dari membantu untuk penggabungan organisasi media bagi mengatasi masalah pemecahan rangkaian media. Tindakan ini juga dilakukan untuk mengelakkan daripada organisasi media di China di kuasai oleh syarikat antarabangsa. Bagi merealisasikan tujuan ini tindakan penguatkuasaan dilakukan ke atas pelaburan langsung asing (Li, He & Hu, 2006).

Walaupun perubahan berlaku dalam sistem media, namun industri filem di China masih dikuasai oleh pihak kerajaan. Ini jelas terlihat melalui pembiayaan kewangan dan pengedaran filem masih dikawal oleh pihak kerajaan sama ada melibatkan filem tempatan mahu pun filem antarabangsa. Selaras itu, ianya membawa kepada satu situasi di mana kebanyakan filem yang dipersembahkan dalam industri filem di China masih dikawal dan mempunyaikekangan tertentu. Keadaan ini turut mengundang kepada kebangkitan filem ‘bawah tanah’ ekoran dari kawalan ketat pihak kerajaan. Kesan ini turut mengakibatkan pengurangan kepelbagaiannya budaya yang disebabkan oleh halangan dalam kebebasan untuk memilih produk (filem) yang terbaik dalam pasaran terbuka (Pang 2004). Tambahan pula, filem yang dikeluarkan oleh penerbit antarabangsa lebih mendapat permintaan yang tinggi dari rakyat China (Shipman 2007). Apa yang jelas, filem yang merupakan cabang media turut terheret sama dalam kawalan yang ditentukan oleh kerajaan dalam sistem media negara China.

Jelas sekali, sistem media Negara China masih bercirikan Autokratik yang mana elemen pembolehubah kawalan yang tinggi dari Kerajaan. Ini jelas dilihat apabila penubuhan institusi media perlu mengikut polisi yang ditetapkan iaitu perlu berdaftar dengan Bahagian Propaganda Kerajaan. Meskipun mengalami perubahan struktur media, namun kandungan media masih berkait rapat dengan parti dan ini mencerminkan tingginya elemen intervensi kerajaan dalam pengeluaran sumber informasi di negara China. Kawalan yang ketara dalam aspek pengedaran filem yang merupakan cabang media mengambarkan bahawa kebebasan untuk mendapatkan informasi seperti mana yang didefinisikan oleh para pengkaji ternyata tidak wujud di negara China.

Sistem Media Malaysia

Secara dasarnya, faktor politik, sosial dan ekonomi dapat disimpulkan mempengaruhi pembentukan sistem media sesebuah negara (Blumber & Gurevitch 1975; Christians et al., 2009; Rantanen, 2013). Ini disokong oleh kajian Hujanen, Lehtniemi, dan Virranta (2008) dalam Mellado dan Lagos (2013) yang mendapati bahawa elemen perbezaan politik, ekonomi, sosial dan budaya turut mencorakkan bagaimana amalan operasi media di sesebuah negara dan hubungannya dengan cara kerja wartawan. Pada masa kini, aliran maklumat dan struktur

organisasi sumber maklumat yang baru memberi kesan yang besar terhadap perbezaan sistem dan juga corak pelaporan berita oleh wartawan. Oleh yang demikian, sistem media dikategorikan dalam pelbagai aspek dan dipengaruhi oleh pelbagai dimensi yang membentuk serta mencorakkan sistem media sesebuah negara. Sebaliknya perbezaan pendapat ditemui dalam kajian Steel (2013) yang menekankan bahawa agama turut memainkan peranan dalam penentuan kebebasan dalam sistem media terutama dalam pelaporan berita.

Namun konsep sistem media pada kurun ke 20 tidak dapat diaplิกasikan dalam konsep sistem media pada kurun ke 21. Perbezaan ini adalah berdasarkan kepada kerangka sistem media itu sendiri yang mana pada kurun ke 20 dilihat konsep media nasional mendominasi dan kerajaan dilihat sangat ketara sebagai '*benchmark*' kepada kerangka sistem media (Flew & Waisbord, 2015).

Globalisasi telah mencabar pemahaman konvensional tentang sistem media nasional yang mana dalam konsep globalisasi, saluran informasi adalah di luar kawalan kerajaan dan melepas sempadan geografi dan politik sesebuah negara. Elemen politik dan sempadan sesebuah negara tidak lagi menjadi penghalang kepada aliran komunikasi dalam sesebuah negara. Elemen ini terhapus oleh kemajuan internet yang menyebarkan maklumat atau informasi kepada sesiapa sahaja tanpa mengira kedudukan geografi rakyat sesebuah negara. Kemajuan ini telah membentuk satu fungsi baru bagi pengguna internet yang bertindak sebagai pengeluar maklumat yang memerlukan lebih kawalan terhadap suasana persekitaran sendiri. Kajian ini turut menekankan bahawa kajian tentang sistem media adalah masih relevan dan merupakan analisis yang bernilai bagi meneroka struktur dan dinamik dalam batasan politik negara dan global. Ianya menolak andaian bahawa konsep ini telah menjadi tidak relevan disebabkan kemunculan globalisasi media (Flew & Waisbord, 2015). Oleh yang demikian, kertas kajian ini dilaksanakan bagi melihat perbezaan sistem media di antara negara Malaysia dengan Negara China, berdasarkan beberapa perbezaan yang dikenalpasti dari Teori Normatif Media McQuail (2010).

Kepelbagai etnik yang terdapat di Malaysia mencerminkan keunikan negara ini. Melalui kepelbagai etnik ini juga melahirkan pelbagai bahasa yang digunakan oleh penduduk Malaysia. Oleh yang demikian, faktor ini sedikit sebanyak mempengaruhi sistem media di negara ini. Kaum Melayu merupakan bangsa yang dominan dalam negara ini diikuti oleh India, Cina dan kaum bumiputera lain yang terdapat di Sabah dan Sarawak (Faridah Ibrahim et al. 2012). Faktor agama turut ditekankan dalam kajian Steele (2013).

Melalui tinjauan yang dijalankan oleh Faridah Ibrahim et al. (2012) ini turut menyimpulkan bahawa Malaysia tidak mengamalkan sistem media mengikut teori autokratik berdasarkan faktor bahawa operasi sistem media tidak hanya menurut perintah ketua negara semata-mata disebabkan wujudnya pelbagai kaum dan bangsa di negara ini (Faridah Ibrahim et al. 2012). Oleh itu, persoalan yang timbul semasa tinjauan dilakukan iaitu adakah gambaran yang diberikan oleh sarjana ini benar dan apakah masih diaplิกasikan pada masa kini?

Manakala menurut Luwarso (2000) pula dalam kajian sarjana Jian Fei (2008) mendakwa bahawa akhbar di Malaysia dan Singapura sering dirujuk sebagai salinan sistem autokratik Asia. Sistem ini dikatakan mirip kepada sistem yang diamalkan pada kurun ke 16 dan 17 di England yang mana kawalan melibatkan penapisan, pergantungan lesen, tindakan perundangan ke atas wartawan dan termasuk arahan penutupan penerbitan pembangkang. Walaupun teori autokratik dikatakan berasaskan kepada analisis sejarah England pada kurun ke 16 dan 17

namun pengubahsuaian dan pembentukan sistem ini dilakukan dengan adaptasi nilai Asia iaitu dengan mengambil kira faktor budaya dan keperluan negara. Penerapan nilai Asia ini berasaskan kepada pengaruh Islam yang kuat di negara ini yang melibatkan peranan sosial para wartawan terutama dalam pembangunan wartawan serta nilai moral (Jian Fei, 2008). Ini disokong oleh kajian Steele (2013) yang menyatakan bahawa prinsip-prinsip agama Islam sangat melarang sebarang pelaporan berita yang belum ditentukan kesahihan (fitnah) sehingga ianya benar-benar dapat dibuktikan. Oleh itu, kajian sarjana ini menyimpulkan bahawa prinsip agama Islam dan legasi autokratik mendasari sistem media Malaysia dan Indonesia.

Berbeza dengan tinjauan yang dilakukan oleh Saodah Wok et al. (2005) menyatakan bahawa sistem media di Malaysia mengamalkan Teori Tanggungjawab Sosial. Namun melalui tinjauan yang dijalankan oleh sarjana Jian Fei (2008) sendiri mendapati bahawa sistem media di Malaysia dikatakan hampir menyerupai sistem media Komunis. Penilaian ini di ambil kira berdasarkan sistem ini yang mengarahkan akhbar untuk mempromosikan berita yang positif sahaja tentang kerajaan dan juga atas faktor pemilikan. Hal ini kerana akhbar utama negara ini iaitu Utusan Malaysia dan The New Straits Times di kuasai oleh parti politik UMNO yang mewakili etnik Melayu (Jian Fei 2008). Elemen pemilikan organisasi media oleh parti politik di Malaysia turut sama melibatkan parti politik yang mewakili etnik Cina dan India yang mana memiliki saham yang terbesar dalam organisasi media yang menerbitkan akhbar bagi etnik masing-masing (Yow Chong Lee, 2014).

Dari aspek media penyiaran pula terdapat juga pemilikan oleh pihak kerajaan misalnya TV AlHijrah, TV1 dan TV2. Kerajaan juga dilihat mempunyai kepentingan dalam agensi berita nasional iaitu BERNAMA. Agensi berita ini mempunyai hak dalam mengedarkan berita luar negara. Selaras itu, konsep ini didapati bertentangan dengan konsep media teori Autokratik di mana kerajaan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam pemilikan organisasi media dan intervensi hanya melibatkan menjatuhkan hukuman sekiranya laporan atau penerbitan mendatangkan keburukan kepada kerajaan (Yow Chong Lee 2014).

Manakala konglomerat Media Prima menguasai TV3, NTV7, 8TV dan TV9 yang merupakan pemilikan organisasi media oleh pihak swasta. Ekoran dari itu, penguasaan ini secara langsung dan tidak langsung dikawal oleh Kerajaan atau individu yang berkaitan dengan kerajaan. Penguasaan ini terpancar melalui kekuasaan UMNO yang merupakan parti politik yang mewakili etnik Melayu serta merupakan sebahagian dari parti pemerintah dan terbesar di Malaysia menguasai hampir kesemua saham di dalam Media Prima. Ini membawa erti bahawa pemilikan masih lagi terikat kepada pihak kerajaan iaitu parti yang memerintah. Penguasaan ini tidak tertakluk kepada media penyiaran malah melibatkan media penerbitan iaitu akhbar ‘News Straits Times’, Business Times, Malay Mail, Berita Harian, Harian Metro dan Shin Min Daily News. Pemilikan ini termasuk stesen-stesen penyiaran yang tertakluk di bawah Media Prima seperti TV3, NTV7, 8TV, TV9, Fly FM dan Hot FM (Tan & Zawawi (2008) dalam Fong & Ahmad Ishak 2014).

Stesen televisyen berbayar di Malaysia turut mempunyai pengaruh kerajaan di mana All Asia Television and Radio Company (ASTRO) juga dimiliki oleh ahli perniagaan iaitu Ananda Krishnan dan Tunku Mahmud Besar Burhanuddin yang merupakan sekutu rapat kepada Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohammad. Keadaan ini secara tidak langsung memberi keselesaan kepada pihak Astro dari sudut pemberian lesen penerbitan (Brown, 2005; Mohd Azizudin 2005 dalam Fong & Ahmad Ishak, 2014).

Sebahagian besar media di Malaysia dimiliki oleh pihak swasta dan diikat dengan pelbagai mekanisme perundangan oleh kerajaan bagi tujuan pematuhan terhadap kerajaan. Pada masa yang sama, struktur pemilikan organisasi media turut terikat dengan pihak-pihak yang mempunyai kaitan dan kepentingan dengan parti pemerintah atau dalam erti kata yang lain, pemilikan oleh mereka yang mempunyai kuasa dalam parti politik kerajaan (Abbott, 2011). Berdasarkan tinjauan di atas, pada perspektif pengkaji, situasi ini memberi gambaran intervensi kerajaan terhadap sistem media negara ini adalah besar.

Kenyataan ini turut disokong Yow Chong Lee (2014) yang menegaskan walaupun pemilikan organisasi media adalah dari pihak swasta namun kerajaan berkuasa untuk mengawal terhadap kandungan media dengan penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 1998 dan seterusnya pembentukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) adalah bertujuan untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia sementara penubuhan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 pula menggariskan aspek operasi, bidang kuasa, dan fungsi AKM 1998. Antara lain dalam kod kandungan AKM 1998 (Seksyen 213) dengan jelas memperuntukkan larangan terhadap penyampaian isi kandungan media yang tidak bersesuaian, dan berupaya membawa kepada kemudaratan nilai sosial negara ini melalui kandungan-kandungan yang boleh menyinggung perasan (offensive) dan boleh di bantah (objectionable). Kesimpulan dari ini, dapat dikatakan bahawa kebebasan sepenuhnya oleh media negara ini adalah terhad dan terkawal. Ini menjelaskan bahawa sistem media negara ini mempunyai kawalan yang tinggi dan kebebasan pada tahap yang rendah.

Intervensi kerajaan juga terlihat dengan jelas melalui pembentukan Akta Penapisan Filem 2002 yang berkuasa untuk menapis dan meluluskan tayangan sesuatu filem yang ditayangkan di Malaysia. Akta ini memberi hak kepada Lembaga Penapis Filem yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk melulus atau mengharamkan filem yang hendak ditayangkan di Malaysia. Kuasa mutlak ini diberikan kepada pegawai kerajaan yang dilantik sebagai ahli Lembaga Penapisan Filem untuk membuat keputusan. Namun begitu, keputusan ini boleh dicabar melalui rayuan yang dikemukakan oleh Penerbit filem kepada Jawatankuasa Rayuan Filem (JKRF). Fungsi Jawatankuasa ini boleh menimbang semula keputusan yang telah diberikan oleh LPF tersebut terutama apabila melibatkan keputusan Tidak Lulus Untuk Tayangan (TUT). Jawatankuasa ini boleh mengakas keputusan LPF sekiranya mereka mendapati tiada unsur-unsur yang boleh membawa kepada keputusan TUT tersebut. Oleh kerana JKRF terdiri dari pelbagai kategori pakar yang dilantik oleh Kementerian, maka dapat disimpulkan disini, kurangnya intervensi kerajaan dalam pembuatan keputusan ini. Namun, apabila dilihat dari titik permulaan lantikan yang dibuat oleh Kerajaan, maka jelas memperlihatkan akan membolehubah intervensi tersebut wujud dalam sistem media ini.

Berlainan pula dengan tinjauan oleh Mohd Safar Hashim (1996) menyebut bahawa oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berpelembagaan maka pengamalan sistem media tidak dapat lari dari Perlembagaan yang merupakan sistem pemerintahan negara ini. Oleh yang demikian, kandungan perlembagaan seperti agama rasmi, kebebasan bersuara dan sebagainya turut mempengaruhi pembentukan sistem media negara ini. Tonggak Rukun Negara yang meliputi kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, dan Menjunjung Kedaulatan Perlembagaan turut memainkan peranan dalam pembentukan sistem media (Mohd Safar Hashim, 1996). Justeru pengkaji merasakan bahawa selain dari kawalan sendiri, media di Malaysia juga dikawal oleh Kerajaan berdasarkan kepada prinsip dan tonggak utama Rukun Negara.

Namun begitu, terdapat pendapat dari ahli sains politik yang meletakkan sistem Malaysia ini sebagai '*quasi democracy*', semi demokrasi atau demokrasi yang diubahsuai. Ini disebabkan bahawa sistem politik Malaysia berada di kedudukan antara demokrasi dan autokratik (Lee, 1997 dalam Fong & Ahmad Ishak 2014). Dari sudut kebebasan media pula, secara jelas disekat oleh undang-undang dan pemilikan organisasi media itu sendiri (Netto 2002; Randhawa et al. 2005; Rodan 2005; Wang 2001; Zaharom, 2000) dalam Fong & Ahmad Ishak (2014).

Meskipun banyak kajian yang memberikan perspektif yang negatif terhadap sistem media negara ini, namun berbeza pula pandangan oleh Lent (1975) yang menggambarkan bahawa sistem media di Malaysia sangat teratur dan canggih dalam kalangan negara di Asia Tenggara walaupun sistem media ini digunakan oleh kerajaan sebagai alat dan senjata. Pandangan ini dilontarkan ekoran dari kepelbagaian etnik yang mendiami negara ini namun keharmonian terpelihara yang mana kecanggihan ini dilihat dari kepelbagaian pemilikan organisasi media sama ada media cetak dan media elektronik. Namun demikian, amalan media massa di negara ini adalah mengadakan kawalan kendiri dalam sebarang penerbitan berita. Hal ini kerana dasar sistem media negara pada masa dahulu adalah berasaskan kepelbagaian kaum dan perkara ini juga turut menjadi tonggak kepada pembentukan Ordinan Mesin Cetak dan Penerbitan. Berita yang disebarluaskan hanya mengandungi kempen-kempen dan ucapan parti pemerintah dan pandangan pihak pembangkang diabaikan (Lent, 1975). Dari bayangan sarjana ini, pengkaji merasakan bahawa sistem media negara adalah mengikut model tanggungjawab sosial.

Rumusan kepada analisis pengesanan pembolehubah yang dijalankan di atas, menunjukkan bahawa pembolehubah kebebasan dalam sistem media negara Malaysia amat rendah yang mana pengenalan kepada perundungan yang ditetapkan dalam sistem media seperti penapisan filem, sekatan terhadap penerbitan pembangkang dilihat ketara. Manakala pembolehubah kawalan kerajaan terlihat jelas melalui pemilikan organisasi media yang dikuasai oleh parti pemerintah. Intervensi kerajaan dalam sistem media dikatakan bermatlamat demi mencapai keharmonian kaum yang mana penapisan filem dan berita oleh agensi kerajaan adalah demi menjaga sensitiviti khalayak yang ada di negara ini.

Perbincangan

Melalui pembolehubah kebebasan, jelas kelihatan dari sudut struktur media, kebebasan mutlak yang dimaksudkan adalah media bebas untuk menerbitkan atau mencetak sebarang penerbitan tanpa perlu melalui tatacara yang ditetapkan oleh kerajaan atau pihak berkuasa yang lain seperti permohonan lesen atau permit, pematuhan kepada garis panduan, penapisan, dan akta-akta yang dibentuk bagi penerbitan media. Tujuan kebebasan ini adalah demi mencapai matlamat kewujudan media itu sendiri iaitu menyalurkan informasi sebanyak mungkin kepada masyarakat tanpa mengambil kira faktor kebenaran atau ketepatan sesuatu informasi tersebut. Manakala terpulang kepada khalayak untuk menerima atau menolak informasi tersebut. Namun jika dilihat melalui amalan dalam struktur media Negara Malaysia, kebebasan ini tidak wujud memandangkan terdapat beberapa akta yang digunakan oleh kerajaan sebagai alat untuk menyekat kebebasan dalam industri media. Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Penapisan Filem 2002 dan Akta Hak Cipta 1987 merupakan akta yang berada dalam ruang lingkup undang-undang komunikasi di Malaysia.

Asas kebebasan di dalam Model Sistem Media Bebas (McQuail 2010) ini adalah kebebasan itu tidak semestinya termaktub dalam mana-mana perlombagaan dan ianya merupakan pilihan. Dalam konteks sistem media di negara ini, iaitu sepertimana di bawah Perkara 10,

Perlembagaan Persekutuan negara Malaysia, jelas termaktub kebebasan bersuara dan berhimpun (Yow, 2014). Namun demikian, apa yang jelas kebebasan ini merupakan kebebasan bersyarat yang di kawal melalui penguatkuasaan akta, dasar dan perundangan yang lain misalnya, kebebasan berhimpun bagi khalayak tertakluk kepada Akta Perhimpunan Aman 2012 yang menuntut setiap perhimpunan dan ucapan harus mendapat kebenaran dari pihak berkuasa terlebih dahulu.. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa kebebasan ini dapat dicernakan sebagai kebebasan bersyarat disebabkan terdapat keperluan wajib untuk memperoleh kebenaran (permit) sebelum pengucapan awam dibenarkan.

Manakala dari aspek penerbitan filem yang merupakan salah satu cabang media turut dikawal. Apa yang jelas pengawalan terbentuk melalui matlamat demi keselamatan dan ketenteraman awam yang dijelmakan melalui pembentukan Akta Penapisan Filem 2002 bagi memberi erti bahawa semua filem yang hendak ditayangkan di negara ini perlu melalui proses penapisan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) terlebih dahulu. Selain itu, permohonan pengecualian permit turut dikuatkuaskan bagi pemilikan filem (import) yang dikategorikan sebagai kegunaan peribadi atau untuk tontonan peribadi (Akta Penapisan Filem 2002). Manakala bagi setiap salinan hak cipta pula perlu mendapat kebenaran pemunya yang terkandung di bawah Akta Hak Cipta 1987 (pindaan) 2012 dan kawalan dipanjangkan lagi ke aspek pengeluaran cakera optik di kilang perlu mendapat lesen dari KPDNKK, di mana Akta Cakera Optik 2000 mengambil tempat.

Ini bertepatan dengan dapatan kajian (Yow Chow Lee, 2014) yang mendapati bahawa walaupun pemilikan organisasi media adalah dari pihak swasta namun kerajaan berkuasa untuk mengawal kandungan media dengan penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 1998 dan seterusnya pembentukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM, 1998).

Sepertimana di dalam Seksyen 9 (APP 2002) jelas menyatakan bahawa pemunya atau penerbit filem berkewajipan untuk menghantar filem yang telah siap penggambaran dalam tempoh 14 hari kepada LPF untuk ditonton tapis. Atas sebab demi memelihara keharmonian dan moral masyarakat, maka kerajaan akan melakukan intervensi sekiranya media terpesong dari landasan matlamat mereka biarpun hasil karya itu menggambarkan perihal sebenar masyarakat. Dapat disimpulkan di sini, bahawa elemen intervensi kerajaan tahap tinggi wujud dalam amalan operasi sistem media negara sebagaimana dapatan dalam kajian oleh Abbott (2011), Wang (2004) dalam Fong dan Ahmad Ishak (2014) dan Yow Chong Lee (2014).

Kesimpulan

Pengenalan polisi pendaftaran penubuhan sebarang institusi media dengan Bahagian Propaganda yang dikuatkuaskan oleh negara China adalah bermatlamat untuk mengawal sebarang pengeluaran informasi di negara tersebut. Meskipun, perubahan struktur media dilihat berlaku, namun pembolehubah kawalan yang tinggi melalui pengedaran sebarang bahan media seperti filem masih menjadi amalan dan polisi negara tersebut. Begitu juga pembolehubah intervensi kerajaan ditemui yang kelihatan melalui pembelian kewangan dari kerajaan bagi pengeluaran filem. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa sistem media China adalah sistem media autokratik berdasarkan ciri-ciri yang telah dibincangkan.

Pembentukan dasar, akta dan perundangan dalam operasi sistem media negara Malaysia bertunjang kepada aspirasi negara. Adapun objektif kajian ini iaitu pengesahan terhadap pembolehubah yang terdapat dalam operasi sistem media telah berjaya memberi pendedahan

kepada negara luar akan objektif utama kerajaan dalam memastikan keharmonian kaum terpelihara memandangkan negara Malaysia terdiri dari pelbagai etnik. Dari perspektif ekonomi pula, pendedahan ini membantu pelabur asing untuk menanamkan keyakinan bahawa kerajaan negara ini sentiasa peka dan menyediakan pelbagai ‘perisai’ dalam memastikan survival industri media ini.

Justeru itu, pengenalpastian ini berjaya menemui bahawa terdapat ciri-ciri model sistem media tanggungjawab sosial dan model media alternatif (McQuail 2010) serta teori autokratik (Siebert et al. 1956) dalam sistem media Malaysia.

Rujukan

- Abbott, P. J. (2011). Electoral authoritarianism and the print media in Malaysia: Measuring political bias and analyzing its cause: Asian affairs. *An American Review*, 38, 1–38.
- Al-Jazeera. (2019). <https://www.aljazeera.com/ajimpact/difficult-china-economy-grow-6-percent-li-190916011749336.html>.
- Amira Sariyanti. (2012). Past and present of siebert & colleagues’ four theories of the press: Sequential modifications of press theories associated with the media’s social obligations within the framework of the social environment of the day. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 14(1), 1–16
- Blumler JG and Gurevitch M .(1975). Towards a comparative framework for political communication research. In Chaffee SH (ed.) *Political Communication*. London: Sage Publications: 165–193.
- Blumler, J. G., Blumler, J., & Gurevitch, M. (1995). The crisis of public communication. Psychology Press.
- Curran, J. & Seaton, J. (1991). Power without responsibility the press and broadcasting in Britain.Great Britain: Clays Ltd, St Ives.
- Engesser, S. & Franzetti, A. (2011). Media systems and political systems: Dimensions of comparison. *The International Communication Gazette*. 73: 273–301
- Faridah Ibrahim et al. (2012). Ethnic media & nation-building malaysian. Bangi: UKM
- Fong, L.Y & Ahmad Ishak, Md Sidin. (2014). Framing interethnic conflict in Malaysia: a comparative analysis of newspapers coverage on the keris polemics. *Journal of Ethnicities*. 14(2):252–278
- Howkins, J.(1982). Mass Communication in China. New York: Longman
- Lent, J. A.(1975). Government policies reshape Malaysia's diverse media. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 52(4), 663-669.
- Mohd Safar Hashim.(1996). Mahathir dan akhbar. Kuala Lumpur:Utusan Publication.
- McKenzie, R. (2006). Comparing media from around the world. London: Pearson Education. Inc.
- McQuail, D.(2010). Mcquail's mass communication theory: Sage Publication Ltd. 6th edition.
- Mellado, C. & Lagos, C. (2013). “Redefining comparative analyses of media systems from the perspective of new democracies”. *Communication&Society/Comunicación y Sociedad*, 26 (4): 1-24.
- Merriam, S.B. (2001). Qualitative research and case study applications in education. San Francisco: Jossey-Bass.
- Pang, L. (2004). Piracy/privacy: the despair of cinema and collectivity in china. Boundary2.http://web.a.ebscohost.com/ehost/pdfviewer/pdfviewer?vid=22&sid
- Rantanen, T. (2013). A critique of the systems approaches in comparative media research: A central and eastern European perspective. *Global Media and Communication*: 9(3) 257–277

- Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain.(2005).Teori-teori komunikasi.*Kuala Lumpur*:PTS Professional Publishing.
- Steele. J. (2013)."Trial by the press": An examination of journalism, ethics, and islam in Indonesia and Malaysia. *The International Journal of Press/Politics*.18(3) 342–359
- Shipman, L.L (2007). The movie piracy industry in china and its relationship with intellectual property rights. *Master's of Arts Thesis*:University of Kansas.
- Stockmann, D. & Gallagher, E. M. (2011). Remote control: how the media sustain authoritarian rule in China. *Comparative Political Studies*. 44(4) 436–467
- Winfield, H.B. & Peng, Z. (2005). Market or party controls?Chinese media in transition. *The International Journal For Communication Studies*. 67(3): 255–270.
- Yow Chong Lee. (2014). Berita televisyen dan kebebasan media di Malaysia: Suatu kajian terhadap berita televisyen bahasa inggeris TV2 dan NTV7. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. 30(2): 141-158.
- Zhao, Y. (2009). Rethinking Chinese media studies. history, political economy and culture.dalam. *Internationalizing Media Studies*. Daya Kishan Thussu. New York Routledge.176.